

Headline	MIA sokong program hijau		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	29 Jan 2013	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	60,000
Page No	37	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	227 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,249
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,746



MIA sokong program hijau

INSTITUT Akauntan Malaysia (MIA), yang telah mula menjalinkan hubungan kerjasama dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) sejak 2011, telah berjanji untuk terus menyokong program hijau yang dilaksanakan oleh FRIM.

Naib Presiden MIA, Abdul Rahim Abdul Hamid, yang datang ke FRIM, bagi menyampaikan sumbangan MIA kepada Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr Abd Latif Mohmod untuk aktiviti penanaman pokok FRIM, berkata usaha ini menunjukkan kesungguhan MIA dan profesion perakaunan ke arah mengekalkan kelestarian alam sekitar untuk jangkamasa yang panjang.

Melalui kerjasama dengan FRIM, MIA telah menyampaikan cenderahati yang lebih istimewa dan bermakna iaitu sebatang pokok kepada setiap penceramah di Persidangan MIA 2012, untuk ditanam dan diuruskan oleh FRIM di

kampus utamanya di Kepong.

MIA telah memberi sumbangan serta menyertai aktiviti menanam sebanyak 600 pokok daripada pelbagai jenis termasuk bakau.

Di majlis penyampaian cek tersebut, Abd Latif merakamkan penghargaan beliau bagi pihak FRIM atas sokongan yang diberi oleh MIA.

Beliau juga memberi pelbagai cadangan aktiviti untuk penglibatan MIA termasuk pemuliharaan stok karbon, penyelidikan perubahan iklim, penajaan penerbitan dan usaha pemindahan pokok.

Hadir sama, di majlis tersebut ialah Ketua Pembangunan Profesional MIA, G. Shanmugam, Ketua Komunikasi MIA, Iszudin Mohd Amin, dan Ketua Pengurusan Korporat FRIM, Norhayati Nordin.

● Sumber: <http://www.frim.gov.my/>



Dari kiri: Shanmugam, Abdul Rahim, Abd Latif, Iszudin, Norhayati pada majlis penyampaian cek.